

Sabtu, 1 Jun 2019 | 1:29pm



SALAHUDDIN (kanan) mencabut pelekat harga promosi sayur kobis bulat, pada Program Jualan Jimat Belanja Aidilfitri@Pasar Tani anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Pasar Tani Datin Halimah. NSTP/Mohd Azren Jamaludin

## Kerajaan Persekutuan, Sarawak bincang tapak tanaman kontan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kerajaan Sarawak bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi membangunkan tanaman kontan berskala besar di negeri itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata satu kertas cadangan pembangunan tanaman kontan juga akan dikeluarkan oleh jawatankuasa bersama itu berhubung usaha berkenaan.

Katanya, antara tanaman kontan yang dicadangkan adalah ubi keledek, kunyit, halia selain jagung bijian yang boleh membangunkan industri makanan haiwan di negara ini.

"Satu pertemuan pertama pada Julai tahun lalu bersama Kerajaan Sarawak sudah diadakan dan perkara ini juga sudah dibawa ke Mesyuarat Majlis Tanah Negara sebulan selepas itu berhubung kawasan kelapa sawit seluas 600,000 hektar.

“Kerajaan Sarawak tidak mahu menanam semula kelapa sawit dan menawarkan kepada mana-mana pihak termasuk sektor swasta untuk mengusahakan tanaman lain di kawasan itu termasuk tanaman kontan.

“Dalam pertemuan baru-baru ini, MOA dan Ketua Menteri Sarawak bersetuju menujukan jawatankuasa bersama di peringkat MOA dan kementerian di Sarawak bagi membangunkan tanaman kontan ini,” katanya ketika dihubungi BH di sini, hari ini.

Salahuddin berkata, keluasan kawasan tanah di Sarawak dan jenis tanaman kontan yang akan diusahakan masih belum diputuskan kedua-dua jawatankuasa bersama.

“Kedua-dua jawatankuasa bersama di peringkat pegawai nanti akan duduk bincang bersama sebelum satu kertas cadangan akan dikemukakan termasuk dalam menentukan keluasan tanah.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata gabungan kerjasama antara MOA dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilihat berkesan dalam memastikan bekalan makanan dan keperluan sempena Aidilfitri tahun ini mencukupi.

“Setakat tengah hari ini, saya tidak ada mendengar aduan atau rungutan rakyat yang menghadapi kekurangan untuk membeli barang keperluan.

“Barangan kita cukup dan harga pula dikuatkuasakan KPDNHEP dan pada kali ini dua gabungan ini menjadi lebih efisyen serta efektif,” katanya.